

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL

SOALAN :

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- (a) langkah lebih berani dan lebih tegas dilaksanakan untuk membendung masalah ketirisan yang menjadi punca ketidakcapaian dasar ekonomi negara termasuk ekonomi Bumiputera; dan
- (b) dalam hal ini, setakat mana Kerajaan mengambil langkah drastik untuk memerangi masalah salah guna kuasa dan rasuah, salah guna subsidi dan pemberian, penyelewengan dalam proses pengambilan dan penggunaan pekerja asing serta penipuan cukai.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

(a) Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan atau lebih dikenali sebagai GTP telah mengenalpasti pelbagai inisiatif untuk dilaksanakan bagi meningkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti dalam jentera pentadbiran kerajaan.

Inisiatif penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat Persekutuan dan Negeri telah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Objektif penubuhannya adalah untuk menyatupadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan dengan integriti di bawah satu unit khusus supaya inisiatif-inisiatif penginstitution integriti berdasarkan enam fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib.

(b) Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) telah ditubuhkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2014 pada 3 Jun 2014. Pelaksanaan JITU adalah menyeluruh melibatkan peringkat Kementerian, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan juga agensi-agensi penguatkuasaan. Ia juga dilaksanakan bermula dari peringkat daerah dengan agensi yang kecil sehingga ke peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat Kebangsaan merentasi agensi Persekutuan dan Negeri.

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi menggantikan pelaksanaan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009. JITU telah distrukturkan dengan cara yang strategik bagi menangani isu-isu tadbir urus dan integriti termasuklah isu ketirisan wang Kerajaan.

Melalui JITU ini juga, pelbagai isu tadbir urus dan integriti telah dibincangkan dan dicari penyelesaian dalam usaha mengatasi masalah salah guna kuasa dan rasuah, salah guna subsidi dan pemberian, penyelewengan dalam proses pengambilan dan penggunaan pekerja asing serta penipuan cukai.

Sekian, terima kasih.